



**KOPERASI KEDAI BUKU  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
BERHAD**

*(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)*

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-23  
ISNIN 12 OKTOBER 1998  
JAM 3.00 PETANG  
DI DEWAN KULIAH X,  
PUSAT PENGAJIAN SAINS FARMASI,  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.**

PERHATIAN

SILA BAWA KAD KEAHLIAN BERSAMA-SAMA TUAN/PUAN  
OLEH KERANA HANYA AHLI YANG MENUNJUKAN KAD MEREKA  
SAHAJA DIBENARKAN MASUK KE DEWAN MESYUARAT.

SETIAP AHLI YANG MENGHADIRI MESYUARAT INI AKAN DIBERI  
KUPON BERNILAI RM20.00 UNTUK PEMBELIAN SAHAM  
KOPERASI KEDAI BUKU USM BERHAD

ATAU

RM10.00 UNTUK PEMBELIAN DI KEDAI BUKU,  
KEDAI MAHASISWA DAN PUSAT FARMASI.

305  
PUAN RASHIDAH BEGUM  
PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

4/10

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD  
(Universiti Sains Malaysia Co-operative Bookshop Limited)  
Universiti Sains Malaysia

MEMORANDUM

Kepada:

Semua ahli

Daripada:

Setiausaha

Lembaga Pengarah

Tarikh: 7 September 1998

s.k- Pengarah  
Jabatan **B**embangunan Koperasi Negeri  
Pulau Pinang

Ini adalah untuk memaklumkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-23 akan diadakan pada hari Isnin, 12 Oktober 1998, Jam 3.00 petang di Dewan Kuliah X, Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia.

AGENDA

1. Memilih Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke-23

Menurut Undang-undang Kecil Koperasi seksyen 32 (1), peruntukan bagi pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan yang dipilih di dalam setiap Mesyuarat Agung.

2. Minit mesyuarat yang lalu

Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22 yang telah diadakan pada 23 Oktober 1997. (Lihat Lampiran A)

3. Laporan Tahunan

Membentangkan dan meluluskan :

3.1 Laporan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei 1997- 30 April 1998  
(Lihat Lampiran B(i))

3.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalam bagi tempoh 1997 - 1998  
(Lihat Lampiran B(ii))

3.3 Pandangan Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia ke atas Akaun Koperasi berakhir pada 30 April 1997. (Lihat Lampiran B (iii))

4. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan

Membentangkan dan meluluskan Laporan Juruaudit Luar dan akaun yang telah diaudit bagi tahun berakhir 30 April 1998. (Lihat Lampiran C)

5. Pelantikan Pengarah

Mesyuarat akan melantik 3 orang Pengarah untuk mengisi kekosongan kerana Profesor Ghani Salleh, Puan Rashidah Begum dan Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakarai meletak jawatan mengikut giliran. Walau bagaimanapun mereka layak dan bersetuju dilantik semula.

6. Pembahagian Keuntungan

Mesyuarat akan mengesahkan dan mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 10% bagi tempoh berakhir 30 April 1998 untuk setiap ahli yang namanya dalam buku pendaftaran pada Oktober 1997.

7. Anggaran belanjawan

Mesyuarat akan menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh 1999/2000 (Lihat lampiran D)

8. Pelantikan Juruaudit Luar dan Dalam

Mesyuarat akan menimbang pelantikan Juruaudit seperti berikut:

8.1 Panel firma Juruaudit Luar

8.2 Tiga (3) ahli menganggotai Jawatankuasa Audit Dalaman.

9. Menetapkan had maksima tanggungan hutang

Mesyuarat akan menimbang had pinjaman sebanyak RM2,000,000.00 untuk kepentingan Koperasi.

10. Skop dan Had Pelaburan

Mesyuarat akan menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi.


11. Pelantikan Jawatankuasa Khas

Mesyuarat akan melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada Pengerusi, tiga orang anggota Lembaga dan enam anggota untuk menentusahkan draf minit mesyuarat Agung Tahunan ini.

12. Hal-hal lain

Mesyuarat ini akan menimbang perkara-perkara lain yang telah disampaikan kepada Setiausaha Lembaga Pengarah, tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat ini.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah.



(Puan) Rashidah Begum  
Setiausaha Lembaga Pengarah

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD  
(Universiti Sains Malaysia Co-operative Bookshop Ltd.)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22 yang diadakan pada hari  
Khamis 23 Oktober 1997 jam 3.00 petang di Dewan Kuliah B,  
Universiti Sains Malaysia

Hadir: (Lihat Lampiran)

Turut Hadir: Encik Muhammad Amran Abdul Aziz  
Penolong Pengurus (Kedai Buku)  
Koperasi Kedai Buku USM Bhd.

Encik Supuan Shaharuddin  
Penolong Pengurus (Kedai Mahasiswa)  
Koperasi Kedai Buku USM Bhd.

Kata-kata aluan 1. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran anggota ke mesyuarat ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota yang sudi meluangkan masa untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 ini. Sokongan yang diberi oleh anggota adalah satu petanda yang menggalakkan bagi masa depan koperasi kita.

Melantik Pengerusi mesyuarat 2. Pengerusi memaklumkan mengikut peraturan mesyuarat harus memilih seorang anggota untuk mempengerusikan mesyuarat Agung tahunan ini.

Profesor Madya Saringat Haji Baie telah dicadangkan oleh Encik Mohd Rosli Mohd Diah dan disokong oleh Encik Anas Hassan.

Mesyuarat bersetuju sebulat suara memilih Profesor Madya Saringat Haji Baie sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan ke-22.

Minit mesyuarat yang lalu 3. Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21 yang telah diadakan pada 21 Oktober 1996 diluluskan tanpa pindaan.

Encik Ainuddin Bahari mencadangkan minit diluluskan dan disokong oleh Encik Mohd Rosli Mohd Diah.

Laporan Tahunan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Dalaman 4. (i) Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei 1996 - 30 April 1997.  
Pengerusi menarik perhatian anggota mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk meningkatkan perniagaan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad seperti berikut:

(a) Mengendalikan beberapa pesta dan Pameran jualan Buku.

- (b) Mempelbagaikan jenis barang yang dijual pada kadar yang lebih rendah daripada pasaran luar, terutama kedai-kedai di kawasan Gelugor dan Sungai Dua.
- (c) Kedai Buku telah mendapat kontrak untuk membekal buku kepada Kementerian Pendidikan.

(ii) Mesyuarat memperhatikan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tempoh 22 Oktober 1996 - 22 Oktober 1997.

Encik Ng Eng Hock mencadangkan laporan diluluskan dan disokong oleh Encik R. Muniandy.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima laporan Lembaga.

Laporan Tahunan Kewangan

5. Pengerusi membentangkan Laporan Tahunan Kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 1 Mei 1995- 30 April 1996 dan pandangan Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia melalui surat Ruj: Bil.JP/T.(AUDIT)IP:PP.49/3165/5(17) bertarikh 29 November 1996

Pengerusi merayu kepada semua anggota supaya menambah saham memandangkan modal saham Koperasi terlalu kecil berbanding dengan perniagaan yang sedang dijalankan.

Puan Sharifah Fazilah Abdul Rahman mencadangkan Laporan diluluskan dan disokong oleh Encik Mohd Yaakob Mohd Yusof.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima Laporan Kewangan.

Pelantikan Anggota Lembaga

6. Mesyuarat diberitahu bahawa tiga (3) orang anggota Lembaga Pengarah perlu dilantik mengikut Undang-Undang Kecil supaya selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 (sebagaimana dipinda) untuk mengisi kekosongan disebabkan Profesor Madya Gan Saiu Chew, Profesor Mohamed Sulaiman dan Profesor Madya Chin Fook Weng meletak jawatan mengikut giliran.

Pengerusi memaklumkan bahawa perlantikan anggota Lembaga secara undian ialah langkah untuk memenuhi keperluan Akta Koperasi baru.

Pencalonan berikut telah diterima:

- (i) Profesor Madya Chin Fook Weng dicadangkan oleh Puan Rashidah Begum dan disokong oleh Profesor Madya Ng Wai Kong
- (ii) Encik Ainuddin Bahari dicadangkan oleh Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria dan disokong oleh Encik Shahrier Pawanchik.

-3-

- (iii) Puan Joriah Muhammad dicadangkan oleh Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria dan disokong oleh Puan Intan Osman.
- Puan Noor Aini Ismail mencadangkan penutupan pencalonan dan disokong oleh Encik Anas Hassan.
- Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat tidak payah mengundi untuk pemilihan anggota Lembaga kerana hanya 3 anggota Lembaga sahaja diperlukan.
- Mesyuarat sebulat suara menerima pencalonan ini.
- Pembagian keuntungan** 7. Lembaga mencadangkan pembahagian keuntungan sebanyak 10% bagi tempoh 1 Mei 1996-30 April 1997 untuk anggota yang namanya ada di dalam buku pendaftaran pada 31 Oktober 1996. Dividen untuk anggota akan diberi dalam bentuk tunai. Universiti Sains Malaysia akan dibayar dalam bentuk cek.
- Encik Ng Eng Hock mencadangkan pembahagian keuntungan diluluskan dan disokong oleh Cik Zainab Abu Bakar.
- Anggaran belanjawan** 8. Pengerusi membentangkan anggaran belanjawan bagi 1998/1999.
- Mesyuarat membincang dan meluluskan semua butiran yang disenaraikan.
- Cadangan dibuat oleh Encik Quah Kung Hai dan disokong oleh Encik Ng Eng Hock.
- Perlantikan Juruaudit** 9. Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu firma Juruaudit Luar perlu dipilih sebagai Juruaudit Luar Koperasi ini:
- Setelah berbincang mesyuarat bersetuju memilih firma-firma berikut mengikut keutamaan.
- (a) Amin Al-Jeffri & Co.
  - (b) Iqbal & Associates.
  - (c) Ahmad Abdullah & Goh.
- Seterusnya mesyuarat memilih anggota-anggota Jawatankuasa Audit Dalaman:
- Pencalonan berikut telah diterima:
- (a) Encik Ng Eng Hock dicadangkan oleh Encik Yeoh Chooi Soon dan disokong oleh Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria.
  - (b) Puan Nor Jahan Mydin dicadangkan oleh Dr. Ainuddin Bahari dan disokong oleh Encik Anas Hassan.

- (c) Puan Lee Chow Yoong dicadangkan oleh Puan Sakinabi Md Ibrahim dan disokong oleh Encik Abdul Rahman Ismail.
- Puan Lim Suan Neoh mencadangkan penutupan percalonan dan disokong oleh Encik Foo Thin Choon.
- Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat tidak payah mengundi untuk pemilihan anggota Jawatankuasa Audit Dalaman kerana hanya 3 anggota sahaja diperlukan.
- Mesyuarat sebulat suara memilih ketiga-tiga calon di atas.
- Menetapkan had maksimum tanggungan hutang 10. Pengerusi memaklumkan keperluan had maksimum pinjaman RM2,000,000.00 untuk kegunaan modal kerja dan cadangan perniagaan stesen minyak bertempat di dalam kampus Universiti Sains Malaysia dan perniagaan lain yang dirancang.
- Mesyuarat sebulat suara menerima cadangan penetapan hak maksimum tanggungan hutang sebanyak RM2,000,000.00
- Skop dan Had Pelaburan 11. Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat harus meluluskan Skop dan Had Pelaburan yang dibayai oleh wang berlebihan Koperasi.
- Encik Ainuddin Bahari mencadangkan sebanyak RM500,000.00 dan disokong oleh Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria.
- Mesyuarat sebulat suara bersetuju had pelaburan ditetapkan sebanyak RM500,000.00 dan akan digunakan untuk membeli saham-saham tertentu seperti ASN, ASW dan lain-lain.
- Jawatankuasa Khas 12. Pengerusi memaklumkan satu Jawatankuasa Khas terdiri daripada Pengerusi, tiga orang anggota Lembaga dan enam orang anggota perlu dilantik untuk menentusahkan minit mesyuarat Agung tahunan ini.
- Mesyuarat memilih anggota-anggota berikut:
- (i) Pengerusi dan semua Anggota Lembaga Pengarah.
- (ii) Profesor Madya Mohd Jamel Basha Adlan yang dicadangkan oleh Profesor Ghani Salleh disokong oleh Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria.
- Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan pemilihan ini.

Hal-hal lain 13. (a) Pengerusi mencadangkan agar anggota supaya menambahkan Modal syer nilai saham masing-masing sekurang-kurangnya menjadi RM20.00. Ini adalah mengikut Undang-Undang Kecil, Skesyen 53 supaya selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 (sebagaimana dipinda). Peringatan susulan akan di hantar kepada semua anggota.

(b) Encik Amanullah Rahman Sha membangkitkan lokasi koperasi yang tidak strategik.

Mesyuarat bersetuju untuk menambahkan papan tanda arah ke Kedai Buku, Kedai Mahasiswa Dan Pusat Farmasi.

(c) Profesor Madya Abdul Rahni Mat Piah mencadangkan bahawa semua akaun Koperasi dikendalikan mengikut sistem perbankan secara Islam.

Pengerusi memaklumkan perkara ini akan dikaji. Satu masalah yang dihadapi adalah sistem ini tidak mempunyai kemudahan 'overdraft'.

(d) Salah seorang anggota memaklumkan bahawa Kedai Buku kekurangan buku latihan Sekolah Rendah.

Pengerusi meminta anggota berhubung dengan Penyelia, Bahagian Runcit. Pengerusi juga memaklumkan bahawa Jualan Buku Sekolah Rendah akan diadakan di Foyer DSTP pada hujung tahun 1997.

(e) Profesor Madya Mohd Jamel Basha Adlan mencadangkan Jamuan Makan Malam Koperasi Kedai Buku diadakan.

Pengerusi mencadangkan perkara ini akan dibincangkan di Mesyuarat Lembaga akan datang.

Oleh kerana tiada hal-hal lain yang dikemukakan mesyuarat tamat pada pukul 4.35 petang.

## LAMPIRAN KEPADA LAMPIRAN

Senarai Anggota-anggota Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad yang dihadiri di Mesyuarat Agung Tahunana Ke-22 pada Khamis 23 Oktober 1997 jam 3.00petang di Dewan Kuliah B, Universiti Sains Malaysia.

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO.AHLI</u>	<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO.AHLI</u>
1	ABDUL MUTALIB ISMAIL	1538	69	MARIMUTHU A/L AYEROO	1282
2	ABDUL RAHMAN ISMAIL	1378	70	DR. MAT JOHAR ABDULLAH	4531
3	PROF. MADYA ABDUL RAHNI MAT PIAH	1931	71	MD. SABRI BASHAH	1319
4	ABDUL WAHAB B ABU HASSAN	1493	72	MERYAM BT RABU	1224
5	ABU BIN OTHMAN	0379	73	MOHD YAAKOB B. MOHD YUSOF	1364
6	PROF. MADYA AHMAD ABDUL MAJID	4528	74	MOHAMED NORDIN B ISMAIL	0863
7	AINUDDIN BAHARI	2373	75	MOHD AROP B HJ SENAWI	1485
8	ALIAS YUSOF	4418	76	MOHD IDRIS SYED SULAIMAN	1500
9	ALICE OH	0508	77	MOHD JELANI SK MYDIN	3529
10	AMANULLAH BIN RAHMAN SHA	1334	78	MOHD KASSIM B ABDUL RAZAK	1373
11	AMIN RAZIP HASSAN	2437	79	MOHD ROSLI MOHD DAIH	1174
12	AMINAH ISMAIL	2537	80	DR MOHD SYUKRI SALLEH	0796
13	ANAS BIN HASSAN	1696	81	PROF. MADYA MOHD JAMEL BASHA ADLAN	1353
14	ANG FUEY PHAIK	1419	82	MUN SOOK YI	1454
15	AUTHONY DENIS	1402	83	MUNDAS BEHAM ABDUL KARIM	0012
16	BALACHANDRA A/L S.KUTALIAH	0087	84	NAIEMAH BT ZAINOR	1257
17	CARMEN CHEAH GAIK IM	1302	85	DR.NAZIRAH AHAMD AZLI	4200
18	CHE NORMA BT BAHARI	2184	86	NG CHOON POOK	1658
19	CHEAH KWEE TIEN	1297	87	NG ENG HOCK	1207
20	CHEAH TENG BOON	1809	88	NG KAM HONG	1262
21	CHEW MUN WAI	1343	89	PROF. MADYA NG WAI KONG	1194
22	PROF. MADYA CHIN FOOK WENG	0240	90	NOOR AAINI ISMAIL	3531
23	CHONG PENG KIAT	1216	91	NOOR JAHAN BT MYDIN	1404
24	CHONG YOI LAN	0936	92	ONG CHUAN EE	1439
25	CHUAH LIAN SIAH	1386	93	PHONG SOOK CHING	1403
26	FALIZAH MD ROUSE	1332	94	QUAH KUNG HAI	0089
27	PARIDAH MD. NOOR	1344	95	R. MUNIANDY	1268
28	DR PAUZIAH BT HAJI AZIZ	4412	96	R. VADIVEL MURUGIAN	1550
29	FAWZIA DAWOOD	2538	97	RAHMAN BAHAROM	4310
30	PONG SEW KHUAN	1251	98	RAMLAH AHMAD	4309
31	FOO THIN CHOON	1291	99	RASHIDAH BEGUM	0305
32	PROFESOR GHANI SALLEH	2700	100	RAZALI BIN IBRAHIM	1017
33	GOON WENG KOON	1397	101	SAKINABI BT MD. IBRAHIM	4213
34	DR HABIBAH HJ LATEH	3292	102	SALMIAH HAMID	1415
35	HAPISAH MAT	1414	103	SANTHU C.A FELIX	1470
36	HASAN SUKIT	2922	104	SANTHUS STANLEY FRANCIS	1471
37	HATIPAH BAKAR	1377	105	PROF. MADYA SARINGAT HAJI BAIE	0455
38	HENG SOOK YOK	1220	106	SHAHRIER PAWANCIK	3362
39	HOW KHIM BAN	1417	107	SHAMENAN MOHD ISA	2095
40	IBRAHIM MOHAMAD	1217	108	SHARIPAH FAZILAH	0029
41	INDRA DEWI	1391	109	SITI HAWA SALLEH	1654
42	INTAN OSMAN	1433	110	SOLAHUDDIN AZIZAN	1380
43	JULIE CHUAH SUAN CHOO	1014	111	SUHAIMI AHMAD	4307
44	JUNAIDAH AMIR	1516	112	SULAIMAN JAMALUDDIN	1244
45	JORIAH MUHAMMAD	4527	113	SUNGED HARON	1662
46	KANTHASAMY SUBRAMANIAM	1525	114	SYED AHAMD MUFAZZAL	1476
47	KHOO GUAT LOOI	1358	115	SYED AHMAD KAMIL SYED ZAKARIA	4212
48	KHOTIJAH MAHMUD	4388	116	DR.SYED MUHAMMAD DAWIAH	4532
49	KOAY BEAN HUAT	1209	117	T.NARHARI	1534
50	KOAY SAW SEE	1325	118	TAN KOK NANG	1261
51	KONG POH QUAI	1276	119	TAN LEAN KIM	1275
52	KONG SAW LAP	1958	110	TAN PAI LING	1345
53	KOO SIAK KOON	1241	121	TAN SEOW PHENG	1385
54	DR LEE CHONG YAN	1168	122	TEH SIEW HONG	1307
55	LEE CHOOI WAN	1511	123	TENG AH LOK	0966
56	LEE CHOW YOONG	1233	124	TEOH CHEW HING	1327
57	LEE HOCK LEONG	1496	125	TEOH SWEE LAM	1379
58	LEE SIEW KIAN	2228	126	VICTORIA KOAY LENG HEO	1520
59	LEE TENG SWEE	1215	127	WONG PENG KIT	1431
60	LEONG FOOK	1155	128	WONG YIONG BAT	1352
61	DR LEONG LAP SAU	0961	129	WOO KOK PENG	1253
62	LILY OH	1267	120	YEOH CHOOI SOON	1395
63	LIM SUAN HEOH	0639	131	YEOH CHOON AUN	1306
64	LOH KIM POONG	1255	132	YEOH HUCK SENG	0858
65	LONG JEI HENG	1615	133	YONG MEE NYOK	1296
66	LOW AH CHUAN	1371	135	YVONNE ROSEMARY RASEN	0032
67	LOW WENG LENG	1322	136	ZAINAE ABU BAKAR MARICAN	1288
68	MADHAYAN A/L KORAN	1465	137	ZULKIFLI HASHIM	1936

**LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TEMPOH  
1 MEI 1997-30 APRIL 1998**

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Ke-23 kepada ahli-ahli Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

**MAKLUMAT AM**

Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia didaftarkan pada 21 Mac 1973 dibawah ordinar Syarikat-syarikat Kerjasama 1948 dan kata koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa. Tujuan utama syarikat ini untuk bahan-bahan bacaan serta bahan keperluan lain dengan harga yang berpatutuan.

**LEMBAGA PENGARAH**

Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 20 November 1997, selepas Mesyuarat Agung Tahunan 1997, anggota-anggota berikut telah dipersetujui memegang jawatan-jawatan berkenaan:-

Pengerusi	:	Profesor Madya Saringat Haji Baie
Naib Pengerusi	:	Profesor Madya Ghani Salleh
Setiausaha	:	Puan Rashidah Begum
Bendahari	:	Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria
Ahli-ahli	:	Encik Ainuddin Bahari
	:	Y.Bhg. Dato' Profesor Madya Chin Fook Weng
	:	Puan Jariah Muhammad
	:	Profesor Madya Mohamad Suhaimi Jaafar
	:	Profesor Madya Ng Wai Kong

Lembaga seterusnya telah melantik anggota-anggota berikut untuk menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil:-

(a) Jawatankuasa Kecil Hal-Hal Kakitangan

Pengerusi	:	Profesor Madya Saringat Haji Baie
Ahli	:	Profesor Ghani Salleh
	:	Puan Rashidah Begum
	:	Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria

(b) Jawatankuasa Kecil Kedai Buku

Pengerusi	:	Profesor Ghani Salleh
Ahli	:	Profesor Madya Ng Wai Kong
	:	Puan Rashidah Begum

(c) Jawatankuasa Kecil Kedai Mahasiswa

Pengerusi	:	Puan Jariah Muhammad
Ahli:	:	Y. Bhg. Dato' Profesor Madya Chin Fook Weng
	:	Profesor Madya Mohamad Suhaimi Jaafar
	:	Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria

## LAMPIRAN B(i)

-2-

(d) Jawatankuasa Kecil Pusat Farmasi

Pengerusi : Profesor Madya Saringat Haji Baie  
Ahli Jemputan : Profesor Madya Azmi Sharif  
Dr. Norhayati Ismail

(e) Jawatankuasa Kecil Kewangan

Pengerusi : Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria  
Ahli : Encik Ainuddin Bahari  
Puan Lee Chow Yoong  
Encik Ng Eng Hock  
Puan Nor Jahan Mydin

(f) Jawatankuasa Kecil Perkembangan Aktiviti Perniagaan

Pengerusi : Encik Ainuddin Bahari  
Ahli : Profesor Ghani Salleh  
Puan Joriah Muhammad  
Prof. Madya Ng Wai Kong

(g) Jawatankuasa Kecil Aktiviti Saham

Pengerusi : Profesor Madya Saringat Haji Baie  
Ahli : Encik Ainuddin Bahari  
Puan Joriah Muhammad  
Puan Rashidah Begum  
Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria

## MESYUARAT LEMBAGA

Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat sebanyak tujuh (7) kali sepanjang tahun tempoh laporan ini, iaitu pada tarikh-tarikh berikut:

6 Mei 1997, 16 Julai 1997, 24 September 1997, 10 Oktober 1997,  
20 November 1997, 21 Januari 1998 dan 24 Mac 1998

Anggota-anggota Lembaga telah menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab dengan kehadiran di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan anggota-anggota telah mengambil bahagian yang cergas di dalam membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan kepentingan dan pengembangan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

## JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22

Puan Lee Chow Yong  
Encik Ng Eng Hock  
Puan Nor Jahan Mydin

## JURUAUDIT LUAR

Tetuan Al-Jeffri & Co telah dilantik sebagai Juruaudit Luar Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad bagi tempoh laporan ini sebagaimana yang telah diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22

### KEANGGOTAAN

Bilangan anggota bagi tahun 1997 ialah 509 orang. Anggota-anggota baru yang diterima sehingga berakhir 30 April 1998 ialah seramai 8 orang manakala anggota yang berhenti adalah seramai 7 orang menjadi bilangan bersih anggota berakhir pada 30 April 1998 seramai 510 orang.

Modal syer Koperasi Kedai Buku sehingga 30 April 1997 iaitu sebanyak RM18,760.00 berbanding dengan RM10,630.00 bagi 30 April 1996.

### KEMAJUAN

Jumlah jualan menurun bagi tempoh laporan 1997/1998 iaitu sebanyak RM4,792,297 berbanding dengan RM4,911,644 bagi tahun 1996/1997, iaitu RM119,365 menurun daripada jualan tahun lepas dan merupakan penurunan sebanyak 2.43%. Keuntungan bersih telah menurun dari RM189,387 ke RM47,148 dan ini merupakan penurunan 75.10%.

Beberapa usaha telah dijalankan di dalam meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan dan perniagaan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad. Kedai buku telah mengendalikan beberapa pesta jualan buku. Kedai Mahasiswa pula tindakan telah diambil untuk mempelbagaikan jenis barang yang dijual pada kadar yang setanding atau lebih rendah daripada pasaran luar. Pusat Farmasi telah menunjukkan pretasi perniagaan yang sangat memuaskan.

### KAKITANGAN


Pada April 1998 bilangan ialah seramai 34 orang. 3 daripadanya adalah terdiri daripada kakitangan pengurusan dan 31 adalah terdiri daripada kakitangan sokongan.

### PENGHARGAAN

Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berikut:

- (a) Naib Canselor Universiti Sains Malaysia yang telah memberi sokongan yang sepenuhnya.
- (b) Anggota-anggota Lembaga yang bersara, di atas sumbangan mereka.
- (c) Jawatankuasa Audit Dalam di atas teguran, cadangan dan pandangan mereka
- (d) Dekan/Pengarah/Penyelaras Pusat-Pusat Pengajian, Ketua Jabatan dan Kakitangan Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama di atas sokongan mereka.
- (e) Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang di atas kerjasama dan nasihat mereka.
- (f) Kakitangan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad kerana menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi dan minat, dan
- (g) Mereka yang lain telah memberi apa-apa jua bantuan dan kerjasama.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah.



(Puan) Rashidah Begum

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM TAHUN 1997/1998

Tuan Syed Ahmad Kamil  
Bendahari Lembaga Pengarah  
Koperasi Kedai Buku USM Berhad  
Universiti Sains Malaysia

7 September 1998

Tuan,

### LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

Pada menjalankan kuasa seperti diberi dalam perenggan 51 Undang-undang Kecil 1995 KKBUSMB, kami melaporkan bahawa kami telah pun melakukan beberapa lawatan ke pejabat Kedai Buku, Kedai Mahasiswa dan Pusat Farmasi serta telah memeriksa akaun-akaun KKBUSMB dengan sewajarnya.

Sehubungan itu kami perturunkan pandangan kami seperti berikut:

"Tertakuk kepada laporan-laporan Jawatankuasa Audit Dalaman serta perkara-perkara yang disebut dalam Laporan kewangan dan Akaun KKBUSMB sehingga 30 April 1998, kami berpendapat bahawa keseluruhannya hal ehwal Koperasi telah dijalankan mengikut matlamat penubuhan Undang undang Kecil berkenaan seta keputusan Mesyuarat Agung."

Sekian, terima kasih.


Kami yang menjalankan tugas,



(Puan Lee Chow/Yoong)



(Encik Ng Eng Hock)



(Puan Nor Jahan Mydin)



(KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI)  
 JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA,  
 BAHAGIAN AUDIT DAN AKAUN  
 TINGKAT 16 & 17  
 BANGUNAN DATO ZAINAL (MNI TAKAFUL)  
 NO. 23, JALAN MELAKA  
 50608 KUALA LUMPUR.

TELEFON : 03-2939970  
 FAX : 03-2942569  
 KAWAT : KOPERASI

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : BIL.JPK.(AUDIT)IP:  
 PP-49/3165/5 Jld 2(22)  
 Tarikh : 27 Januari 1998

Anggota-anggota Koperasi,  
 Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad,  
 Universiti Sains Malaysia,  
 11800 Gelugor,  
 PULAU PINANG.

Anggota-anggota Koperasi,

**PANDANGAN KETUA PENDAFTAR  
 KE ATAS AKAUN KOPERASI  
 BERAKHIR PADA 30 APRIL 1997**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Akaun yang diaudit oleh Firma Juruaudit AlJeffri & Co. telah diterima pada 8 November 1997.

2. Berpandukan kepada peruntukan Seksyen 59(2) Akta Koperasi 1993, pandangan-pandangan Ketua Pendaftar ke atas Akaun tersebut adalah seperti berikut :-

**(a) Kumpulan Wang Rizab**

Sila maklum mengikut peruntukan Subseksyen 57(1) dan (2) Akta Koperasi 1993 setiap koperasi dikehendaki membayar tidak kurang daripada 15% daripada untung bersihnya kepada Kumpulan Wang Rizab, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi. Oleh kerana keuntungan bersih bagi tahun kewangan 1997 berjumlah RM 176,469.35 maka jumlah caruman kepada ketiga-tiga Kumpulan Wang tersebut ialah RM 26,470.40 (Kumpulan Wang Rizab - RM 21,911.61, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - RM 3,529.39 dan Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi - RM 1,029.40). Bagaimanapun merujuk kepada Akaun Pembahagian Keuntungan bagi tahun kewangan 1997 jumlah caruman yang telah dibuat ialah RM 25,735.11.

Sehubungan dengan itu perbezaan sebanyak RM 735.29 hendaklah dibuat pelarasan dalam akaun tahun hadapan seperti berikut :

**KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD**

Pandangan Ketua Pendaftar Ke atas Akaun Koperasi  
Berakhir Pada 30 April 1997

---

Dt. Akaun Untungrugi Terkumpul	RM 735.29
Kt. Kumpulan Wang Rizab	RM 735.29

**(b) Cadangan Dividen - Nota 11**

Didalam butiran Nota 11 - cadangan dividen terdapat baki dividen-dividen yang belum dibayar kepada anggota-anggota. Pihak koperasi adalah diminta supaya menyegerakan pembayaran tersebut ataupun dikreditkan ke akaun anggota-anggota berkenaan sebagaimana yang diperuntukan di dalam Undang-undang Kecil Koperasi.

**(c) Akaun Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi**

Baki Kumpulan Wang ini pada 30 April 1997 seperti yang ditunjukkan di Nota 10 ialah RM 4,303.89. Bagaimanapun pihak koperasi adalah diminta menentukan semula baki akaun ini kerana didapati ianya tidak selaras dengan sumbangan tahunan dan bayaran yang telah dibuat sejak tahun 1993. Sebarang perbezaan hendaklah dibuat pelarasan dalam akaun tahun hadapan.

3. Pandangan-pandangan tersebut di atas hendaklah dibentangkan bersama-sama dengan Akaun dan Kunci Kira-Kira di dalam Mesyuarat Agung Koperasi.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**( KAMARUDIN BIN HJ.ABD.GHANI )**  
b.p. Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi  
Malaysia.



s.k.

Ketua Pengarah Pembangunan Koperasi Malaysia, Kuala Lumpur.  
Pengarah Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang  
Ketua Audit Negeri Pulau Pinang  
Pegawai Pembangunan Koperasi Pejabat Pulau Pinang  
Firma Juruaudit AlJeffri & Co.

## KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD

LAPORAN JURUAUDIT  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30hb APRIL 1998


Kepada :

Ketua Pendaftar Koperasi,  
Anggota-anggota Koperasi Kedai Buku  
Universiti Sains Malaysia Berhad


Tetuan,

Mengikut kehendak Seksyen 63(2), (3) dan (5) Akta Koperasi 1993, peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya dan Undang-Undang Kecil Koperasi, kami melaporkan bahawa kami telah mengaudit akaun-akaun Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad bagi tahun berakhir 30hb. April 1998 dan pandangan-pandangan kami adalah seperti berikut:-

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang disimpan telah diselenggarakan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi.
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.
- d) Penyata Kewangan bersama-sama dengan nota-nota yang mengiringinya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang transaksi-transaksi kewangan dan kedudukan hal'eiwal Koperasi pada 30hb April 1998 dan keuntungan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



ALJEFFRI & CO.  
AKAUNTAN AWAM (MALAYSIA)  
NO. FIRMA : AF 0277



SYED AMIN ALJEFFRI  
NO. JURUAUDIT : JPK 0005

Kuala Lumpur

Tarikh : 16 JUL 1998

**KOPERASI KEDAI BUKU  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD**

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA  
MENGIKUT SEKSYEN 59 (9) (1) (C) AKTA KOPERASI 1993**

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 30hb April 1998.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa :

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4).
- b) Koperasi bercadang mengeluarkan dividen sebanyak RM1,147.00 dalam tahun ini di atas modal syer anggota sebanyak RM11,470.00 pada 31hb Oktober 1997.
- c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untungrugi, tiada liabiliti kontingen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di dalam Kunci Kira-kira adalah munasabah.

## KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD

KUNCI KIRA-KIRA  
PADA 30HB APRIL 1998


	NOTA	1998 RM	1997 RM		NOTA	1998 RM	1997 RM
MODAL SYER ANGGOTA	3	18,590.50	10,630.00	ASET-ASET TETAP	12	258,790.60	246,538.71
PELBAGAI KUMPULAN WANG	4	195,668.99	198,164.10	PELABURAN DALAM SYER TAKSIAR HARGA	13	15,100.00	15,100.00
KEUNTUNGAN TERKUMPUL		1,617,150.43	1,583,654.12	PELABURAN DALAM SYER SIAR HARGA	14	17,000.00	-
Jumlah Kumpulan Wang Anggota-anggota		1,831,409.92	1,792,448.22	SIMPANAN TETAP	15	543,371.86	515,483.11
KUMPULAN WANG RIZAB	5	469,395.83	463,002.75				
PINJAMAN TAK BERCAGAR	6	85,000.00	85,000.00				
PEMIUTANG SEWABELI	8	35,850.10	-				
LIABILITI SEMASA				ASET SEMASA			
Bank Overdraf	7	38,186.90	322,070.81	Stok	16	1,754,344.79	1,323,915.38
Pemiutang sewabeli	8	7,966.56	-	Penghutang perniagaan	17	760,046.80	1,648,326.69
Pemiutang perniagaan	9	1,321,865.59	1,433,967.14	Pelbagai penghutang, cagaran dan bayaran terdahulu	18	248,926.82	333,632.41
Pelbagai pemiutang, bayaran terakru dan peruntukan	10	53,462.50	53,412.63	Wang di tangan dan di bank	19	268,293.33	89,610.05
Cadangan dividen	11	22,736.80	22,704.80				
		-----	-----			-----	-----
		1,444,218.35	1,832,155.38			3,031,611.74	3,395,484.53
		-----	-----			-----	-----
		3,865,874.20	4,172,606.35			3,865,874.20	4,172,606.35
		=====	=====			=====	=====

Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia  
Laporan Berkanun Lembaga  
Bagi Tahun Berakhir 30hb April 1998

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan sepertimana yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.



Profesor Madya Saringat Haji Baie  
Pengerusi



Rashidah Begum  
Setiausaha



Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria  
Bendahari

PULAU PINANG

TARIKH: 16 JUL 1998

## KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERTIAD

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL 1998

	NOTA	1998 RM	1997 RM
KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) BERSIH DALAM TAHUN:			
- Kedai Buku		57,859.11	117,047.39
- Kedai Mahasiswa		(51,530.76)	29,550.30
- Pusat Farmasi		40,819.90	29,871.66
		-----	-----
		47,148.25	176,469.35
Tolak : Pembahagian Berkanun			
12% Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab	5	5,657.79	21,176.32
2% Sumbangan ke Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		942.97	3,529.39
1% Sumbangan ke Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi		471.48	1,029.40
		-----	-----
